

## KPT digesa teruskan Dasar Inklusif OKU di IPT

Oleh Saadiah Ismail - Jun 22, 2021 @ 6:39pm  
[saadiah\\_ismail@bh.com.my](mailto:saadiah_ismail@bh.com.my)



Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan PH, Dr Maszlee Malik

KUALA LUMPUR: Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) digesa meneruskan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya (OKU) di institut pengajian tinggi (IPT) bagi membolehkan setiap golongan di negara ini berhak mendapat pendidikan.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Pakatan Harapan (PH), Dr Maszlee Malik, berkata dasar itu diwujudkan bagi memberi peluang sama rata termasuk golongan OKU mendapatkan pendidikan tinggi.

Katanya, hasil daripada dasar diwujudkan itu, sebanyak 466 OKU berjaya ditawarkan tempat pengajian di universiti awam bagi sesi kemasukan akademik 2019/2020.

"Bagaimanapun, pada hari ini, laluan kemasukan calon OKU ke universiti bukan hanya tidak lagi dipermudahkan, malah disekat.

"Dasar 'segregationist' dan 'exclusion' ini suatu ketidakadilan kepada golongan OKU dan jauh menyimpang daripada amalan dasar inklusif sebelum ini bagi kemasukan ke universiti," katanya dalam kenyataan media, di sini, hari ini.

Kenyataan itu mengambil maklum balas daripada laporan membabitkan seorang calon OKU yang mendapat 9A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020, dinafikan peluang mengambil kursus dipohon atas sebab OKU.

Melalui fasa kemaskini UPUOnline, permohonan asal beliau hilang dan digantikan dengan hanya dua program diploma dan 20 program sijil dari politeknik serta kolej komuniti yang layak dimohon olehnya.

Maszlee berkata, isu ini bukan terpencil kerana beliau menerima beberapa maklum balas daripada ibu bapa anak OKU yang menyuarakan masalah sama, selain bilangan kursus 'mesra OKU' sangat terhad.

"Malaysia menandatangani the United Nations Convention on the Rights of Persons with Disabilities (UNCRPD) pada 2008 dan hak OKU dalam mendapatkan pendidikan adalah satu penekanan utama dalam Artikel 24 dokumen itu.

"Secara konsepnya, negara kita sudah mengamalkan dasar inklusif OKU selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dengan menyediakan pelbagai program berkaitan, disambung pula dengan pelaksanaan Dasar Sifar Penolakan pada 2019 pada peringkat sekolah.

"Di peringkat pendidikan tinggi juga, hampir semua bidang terbuka untuk dimohon oleh calon OKU di semua universiti dan kini kita dapati ramai graduan OKU dalam pelbagai bidang termasuk profesional," katanya.

Justeru, Maszlee berharap dasar itu dapat dikembalikan semula seperti dijanjikan Menteri Pendidikan Tinggi pada sidang Dewan Rakyat di Parlimen 4 Ogos tahun lalu.

"Saya berharap sistem pendidikan inklusif diamalkan sebelum ini diteruskan dalam erti kata sebenar supaya Malaysia tidak dilabel sebagai negara mengamalkan dasar aparteid dalam penyediaan pendidikan bagi golongan OKU," katanya.